

# Cinta Siti Aishah 'tumpah' di lautan

**DIA** wanita biasa, namun bezanya kecintaan terhadap laut dan hidupan marin sungguh menebal.

Mungkin latar belakang pemilik nama sebenar, Siti Aishah Abdul Rahman yang 'bergelumang' dengan laut sejak kecil banyak mempengaruhi kehidupannya.

Malah, kerana cintanya terhadap alam sekitar dan hidupan marin membuatkan dia memilih jurusan melibatkan alam sekitar dan marin bagi pengajian peringkat sarjana muda dan sarjana, masing-masing di New York dan Australia.

Bagi anak kedua daripada empat beradik ini, laut

PERSONALITI



merupakan sesuatu yang sukar untuk diramal dan penuh misteri.

"Jika ada kelapangan, saya akan mengambil masa antara dua hingga tiga jam untuk menyelam. Biar pun setiap hari melakukan perkara sama, saya akan jumpa sesuatu yang baharu dan sangat mengujakan saya," katanya.

Dia yang kini dalam proses pengantuk menyambung pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) berpendapat bahawa khazanah laut perlu dipelihara dengan sebaik mungkin.

"Sewaktu saya kecil, batu karang di dasar laut perairan Pulau Besar sangat cantik. Namun kini, keindahan itu sedikit lenyap apabila banyak yang sudah mati. Keadaan ini amat merugikan.

"Kita perlu melakukan pemulihan secara berterusan dan holistik bagi menjaga khazanah alam yang tidak ternilai harganya ini," katanya.

info

## SITI AISHAH ABDUL RAHMAN

- **Umur:** 27 tahun
- **Asal:** Pulau Besar, Mersing
- **Pekerjaan:** Pembantu kerja lapangan Universiti Tun Hussin Onn Malaysia (UTHM).